A

Pendakwa Raya lwn Mohd Idris bin Mohd Yusof

B MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — PERBICARAAN JENAYAH NO AB-45D–08–09 TAHUN 2017
ASMADI HUSSIN PK
12 NOVEMBER 2018

C *Undang-Undang Jenayah — Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 — Kesalahan berdagang senjata api — Sama ada eksh P5A adalah 'senjata api' — Sama ada tertuduh telah melakukan perbuatan 'berdagang senjata api' — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh — Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 s 7(1)*

D

Tertuduh menghadapi satu pertuduhan di bawah s 7(1) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta') atas kesalahan berdagang senjata api. Pada 23 Februari 2017, Mohamad Zauri bin Lut ('SP3'), seorang mantan pegawai RELA Daerah Selama, Perak, bersama pasukan Bahagian Perlesenan, lbu
E Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman telah melakukan pemeriksaan ke atas senjata api milik RELA Daerah Selama yang disimpan di stor senjata api di Pusat Latihan RELA Wilayah Utara ('PLRWU'), Sungai Petani, Kedah. Seusai pemeriksaan, SP3 mendapati berlaku kekurangan sebanyak 44 laras senapang patah jenis Harrington and Richardson ('H&R'). Pada 2 Mac 2017, SP3 telah
F membuat satu laporan polis dan menyertakan butiran senjata api yang disyaki hilang. Mohd Asrol bin Jamalludin ('SP1') memutuskan untuk menyerahkan diri setelah mendengar siaran berita di dalam televisyen di mana Ketua Polis Negara meminta sesiapa yang menyimpan senapang patah RELA diminta menyerah diri. SP1 mendakwa dia membayar RM2,500 kepada tertuduh
G untuk mendapat selaras senapang patah ('eksh P5A'). Menurut lnsp Yuwaraja a/l P Kanapathy ('SP4'), semasa menemubual SPl sebaik tangkapan dibuat di perkarangan Balai Polis Selama Perak, SPl telah memberitahunya bahawa eksh P5A diserahkan oleh tertuduh kepada SP1 sebagai cagaran hutang. Pada 29 Mac 2017, tertuduh telah ditangkap di perkarangan IPD Kerian.

H

Diputuskan:

(1) Dengan tidak berhujah mengenai intipati pertama, pihak pembelaan secara tersirat mengakui eksh P5A adalah suatu 'senjata api'. Dengan itu,
I intipati pertama berjaya dibuktikan (lihat perenggan 23 & 25).

(2) Mahkamah mendapati SP1 bukanlah seorang saksi yang *credible*. Mahkamah lebih cenderong untuk mempercayai versi yang diberikan oleh SP4 tentang apa yang berlaku di Balai Polis Selama. Mahkamah mendapati akibat kemalangan yang ditimpa pada Januari 2018 SP1

sudah tidak dapat mengingati apa yang berlaku semasa beliau menyerah diri. Manakala, keterangan SP4 disokong oleh eksh P14. Oleh itu, tertuduh berhak mendapaat manfaat daripada keraguan yang timbul akibat wujudnya dua versi yang bercanggah. Mahkamah juga mendapati bahawa SP1 seorang rakan sejenayah di mana keterangannya memerlukan sokongan. SP1 adalah *participis criminis* yang telah terlibat secara aktif dengan kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh. Tiada secebis keterangan yang boleh menyokong keterangan SP1. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan intipati kedua, iaitu tertuduh 'berdagang senjata api' sama ada melalui penjualan atau memindahmilikkan, atau mendedah atau menyimpan untuk dijual atau dipindahmilik (lihat perenggan 28, 31–33 & 35).

(3) Isu ketuanpunyaan senapang patah H&R bukan merupakan intipati kesalahan di bawah s 7(1) Akta yang dibaca bersama dengan definisi 'berdagang senjata api' di bawah s 2 Akta dan juga sub-s 9(1) Akta Senjata 1960 ('AS 1960'). Penambahan perkataan 'milik RELA' di dalam pertuduhan merupakan suatu tambahan yang tidak perlu dan bukan kehendak undang-undang (lihat perenggan 36).

(4) Tiada secebis keterangan dikemukakan yang menunjukkan bahawa tertuduh tidak mempunyai lesen di bawah AS 1960 untuk berurusan dengan eksh P5A. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan mengenai aspek ini telah meninggalkan lompang dalam kes pendakwaan (lihat perenggan 37–38).

(5) Pihak pendakwaan gagal membuktikan intipati kedua serta berlaku kesenjangan di dalam keterangan bersabit sama ada tertuduh mempunyai lesen atau tidak untuk berurusan dengan senjata api. Di dalam keadaan tersebut, atas penilaian maksima mahkamah mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh. Serentak dengan dapatan itu, tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil membela diri (lihat perenggan 39).

[English summary

The accused faced a charge under s 7(1) of the Firearms (Increased Penalties) Act 1971 ('the FIPA') for an offense of firearm trafficking. On 23 February 2017, Mohamad Zauri bin Lut ('SP3'), a former RELA Officer District Selama, Perak, along with the Licensing Division team, the Royal Malaysian Police Department, Bukit Aman conducted an inspection into RELA's Perama District firearm which was kept at the firearm store at the RELA Northern Territory Training Center ('PLRWU'), Sungai Petani, Kedah. Upon inspection, SP3 found a deficiency of 44 barrels of Harrington and Richardson ('H&R') rifles. On 2 March 2017, SP3 issued a police report and included

details of the suspected missing weapon. Mohd Asrol bin Jamalludin ('SP1') decided to turn himself in after hearing a news broadcast on television where the Inspector-General of Police requested that anyone holding a RELA shotgun be asked to surrender. SP1 alleged he paid RM2,500 to the accused for possession of a rifle ('exh P5A'). According to Insp Yuwaraja a/l P Kanapathy ('SP4'), while interviewing SPl after the arrest at the Selama police station, SPl had informed him that exh P5A had been handed over by the accused to SP1 as a debt security. On 29 March 2017, the accused was arrested at the Kerian IPD.

Held:

(1) By not disputing the first essence, the defence expressly acknowledged that exh P5A was a 'firearm'. Thus, the first essence was proven (see paras 23 & 25).

(2) The court found that SPl was not a credible witness. The court was more inclined to believe the version provided by SP4 regarding what happened at the Selama Police Station. The court found that as a result of the accident in January 2018 SP1 could not remember what happened when he surrendered himself. Meanwhile, SP4's evidence was supported by P14. Therefore, the accused had the right to seek the benefit of the doubt arising from the existence of two conflicting versions. The court also found that SP1 was an accomplice whose evidence required support. SP1 was a participis criminis who had been actively involved in the alleged offence committed by the accused. There was no piece of evidence that could support SPl's evidence. Accordingly, the court ruled that the prosecution had failed to prove the second essence, namely, the accused 'trafficked in firearms' either by selling or transferring, or exposing or storing for sale or transfer (see paras 28, 31–33 & 35).

(3) The issue of ownership of the H&R shotgun was not the essence of the offense under s 7(1) of FIPA read together with the definition of 'traffic in firearms' under s 2 of the FIPA as well as sub-s 9(1) of the Firearms Act 1960 ('the FA 1960'). The addition of the word 'owned by RELA' in the charge was an unnecessary addition and not a requirement of the law (see para 36).

(4) There was no evidence to suggest that the accused did not have a license under the FA 1960 to deal with exh P5A. The prosecution's failure to provide evidence on this aspect had left a gap in the prosecution's case (see paras 37–38).

(5) The prosecution failed to prove the second essence and there was a gap in the evidence relating to whether the accused had a license or not to deal with a firearm. In that circumstances, the court on maximum evaluation found and held that the prosecution had failed to prove a prima facie case

against the accused. Together with the finding, the accused was acquitted and discharged without his defence being called (see para 39).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi v PP [1985] 2 MLJ 16, MA (dirujuk)
Arulpragasan a/l Sandaraju v PP [1997] 1 MLJ 1; [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 AMR 329, MP (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Daimon bin Banda v PP [1953] 1 MLJ 23, MR (dirujuk)
Ignatius ak James v PP [2016] MLJU 229; [2016] 1 LNS 59, MR (dirujuk)
Jagar Singh v PP [1936] 1 MLJ 92 (dirujuk)
Lee Kwan Woh v PP [2009] 5 MLJ 301, MP (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89, MR (dirujuk)
Pasupathy a/l Kanagasaby v PP [2005] 1 MLJ 493, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Ahmad Hanafi bin Md Desa (Perbicaraan Jenayah Mahkamah Tinggi Taiping No AB-45D-03–09 of 2017, tidak dilaporkan) (dirujuk)
Prasit Punyang v PP [2014] 4 MLJ 282, MR (dirujuk)
PP v Haji Ismail & Another [1940] 1 MLJ 76; [1939] 1 LNS 68 (dirujuk)
PP v Kasmin bin Soeb [1974] 1 MLJ 230; [1974] 1 LNS 116 (dirujuk)
PP v Lee Eng Kooi [1993] 2 MLJ 322, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Rahiman bin Selamat [2014] 1 MLJevi 132; [2011] MLJU 1274, MT (dirujuk)
PP v Syed Bakri [1955] MLJ xvii (dirujuk)
PP v Umar Cipto Sumarto [2006] 2 MLJ 763; [2005] 8 CLJ 547, MT (dirujuk)
PP v Zainal bin Ismail & Ors [2011] 2 MLJ 272; [2009] 3 CLJ 554, MR (dirujuk)
Ravindran a/l Ramasamy v PP [2015] 6 MLJ 509, MP (dirujuk)
Sabarudin bin Non & Ors v PP [2005] 4 MLJ 37, MR (dirujuk)
Shawal bin Hj Mohd Yassin v PP [2006] 4 MLJ 334, MT (dirujuk)
TN Nathan v PP [1978] 1 MLJ 134 (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Senjata 1960 ss 6(2), 9(1), (2), 11(1), 15(1)
Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ss 2, 7, 7(1), 9(1)
Kanun Tatacara Jenayah ss 152, 154, 155, 156, 180

Safiyatun bt Ahmadon (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Karpal Singh & Co) bagi pihak tertuduh.

Asmadi Hussin PK:

MUQADIMAH

[1] Mohd ldris bin Mohd Yusof, iaitu tertuduh menghadapi satu pertuduhan di bawah s 7(1) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('FIPA') atas kesalahan berdagang senjata api.

[2] Pertuduhan pindaan pertama ('eksh P2') yang dirangka terhadap tertuduh dibaca seperti berikut:

> Pertuduhan Pindaan:
>
> Bahawa kamu pada awal April 2015 di alamat No 7, Kampung Changkat Lobak, 34300 di dalam Daerah Kerian, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah berdagang senjatapi sebanyak 1 laras senapang patah jenis Harrington & Richardson tiada nombor siri milik RELA dan oleh demikian melakukan kesalahan berdagang senjatapi di bawah Seksyen 7 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[3] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai tujuh orang saksi untuk memberi keterangan semasa kes pendakwaan.

KES PENDAKWAAN

[4] Kes pihak pendakwaan boleh diikhtisar seperti berikut:

(a) Mohamad Zauri bin Lut ('SP3') adalah mantan pegawai RELA Daerah Selama, Perak. Bermula 1 December 2015, SP3 telah mengambil alih tugas sebagai pegawai RELA Daerah Selama daripada Yaakob bin Desa ('Yaakob'). Yaakob pula mengambil alih tempat SP3 sebagai pegawai RELA Daerah Pengkalan Hulu;

(b) pegawai RELA daerah sepatutnya memiliki Lesen A bagi menggunakan senjata api yang dibekalkan kepada pejabat RELA daerah. Lesen A ialah surat kebenaran mengguna senjata api dan peluru. Bila bertukar ke pejabat RELA Daerah Selama, SP3 tidak memohon Lesen A memandangkan tempoh perkhidmatan beliau berbaki dua tahun. Menurut SP3, proses untuk mendapatkan Lesen A mengambil masa lebih daripada setahun. Melalui surat serah tugas antara Yaakob dan SP3, Yaakob melaporkan pejabat RELA Daerah Selama mempunyai 298 laras senjata api yang disimpan di stor simpanan senjata api Pusat Latihan RELA Wilayah Utara ('PLRWU'), Sungai Petani, Kedah. Bagi mengesahkan jumlah senjata api RELA Daerah Selama, pada tahun 2016, SP3 melakukan tiga kali pemeriksaan senjata api di PLRWU, iaitu

pada bulan-bulan Februari, April dan Oktober 2016. Di dalam pemeriksaan-pemeriksaan tersebut, SP3 mendapati bilangan senjata api tidak selari seperti yang dinyatakan oleh Yaakob di dalam surat serah tugas. Ketika itu, SP3 tidak membuat sebarang laporan polis. Sekadar dimaklumkan secara lisan kepada pihak atasannya;

(c) pada 23 Februari 2017 SP3 dengan dibantu oleh Mohamad Nor Faizal bin Mohd Hashim ('Faizal'), Penolong Pegawai RELA Daerah Selama, bersama pasukan Bahagian Perlesenan, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman ('pasukan Bukit Aman') telah melakukan pemeriksaan ('pemeriksaan itu') ke atas senjata api milik RELA Daerah Selama yang disimpan di stor senjata api di PLRWU;

(d) Yaakob juga hadir semasa pemeriksaan itu sebagai pegawai RELA Daerah Pengkalan Hulu. Atas permintaan pasukan Bukit Aman, Yaakob telah menyerahkan senarai senjata api (eksh P72) yang didaftarkan di dalam Lesen A yang dipegangnya berkait senjata api pejabat RELA Daerah Selama. Berdasarkan Lesen A itu, pejabat RELA Daerah Selama mempunyai 300 laras senjata api jenis senapang patah jenis Harrington and Richardson ('H&R');

(e) seusai pemeriksaan, SP3 mendapati berlaku kekurangan sebanyak 44 laras senapang patah jenis H&R. Lanjutan daripada pemeriksaan itu, pada 2 Mac 2017, SP3 telah membuat satu laporan polis, iaitu Bukit Selambau Rpt 126/17 ('eksh P11'). Di dalam laporan polisnya, SP3 menyertakan butiran senjata api yang disyaki hilang sebagai lampiran;

(f) di dalam eksh P11, SP3 melaporkan sebanyak 44 laras senapang patah H&R telah gagal dikesan di stor PLRWU. Menurut SP3, setelah menolak tujuh laras yang dibuat pelupusan (ketika itu sijil pelupusan (eksh P73) belum dikeluarkan) dan 11 laras yang tiada di dalam Lesen A, tetapi dijumpai di stor senjata api PLRWU sebenarnya hanya 26 laras senapang patah H&R sahaja yang disyaki hilang;

(g) berikutan laporan polis yang dibuat oleh SP3, pihak polis telah memulakan siasatan. SP3 pada 4 Mac 2017 sekali lagi membuat pemeriksaan senjata api di PLRWU. Hasil pemeriksaan sama seperti sebelumnya;

(h) siasatan polis telah membawa kepada tangkapan seorang lelaki bernama Mohd Asrol bin Jamalludin ('SP1'), seorang pemandu lori sawit, pada 27 Mac 2017 oleh Insp Yuwaraja a/l P Kanapathy ('SP4') di perkarangan Balai Polis Selama Perak. Menurut SP1, pada hari tersebut beliau pergi ke Balai Polis Selama untuk menyerah diri. SP1 memutuskan untuk menyerahkan diri setelah mendengar siaran berita di dalam televisyen di mana Ketua Polis Negara meminta sesiapa yang menyimpan senapang patah RELA diminta menyerah diri. SP1 ada menyimpan selaras

A senapang patah. Tambah SP1, senapang patah itu dia dapat daripada tertuduh. SP1 mendakwa dia mengenali tertuduh semenjak zaman persekolahan;

(i) selanjutnya, SP1 menceritakan bagaimana beliau mendapat selaras senapang patah daripada tertuduh. Kisahnya bermula begini. Semasa menyaksikan operasi membasmi haiwan perosak yang dijalankan oleh pihak MERGASTUA, beliau melihat tertuduh mempunyai senapang patah. SP1 telah bertanya kepada tertuduh daripada mana tertuduh mendapat senapang patah yang digunakan di dalam operasi itu. Tertuduh menjawab pertanyaan SP1 dengan berkata bahawa dia (tertuduh) akan menelefon SP1. Kemudiannya, SP1 menerima panggilan telefon daripada tertuduh. Tertuduh, kononnya memberitahu SP1 bahawa dia ada senapang patah. SP1 beritahu tertuduh hasratnya untuk memiliki satu laras senapang patah;

(j) selang beberapa lama kemudian, SP1 mendakwa dia telah berjumpa dengan tertuduh di rumah ibu tertuduh di Kampung Tebing Tinggi, Sungai Malau. Di situ, SP1 telah diberikan satu laras senapang patah ('eksh P5A'). SP1 mendakwa beliau membayar RM2,500 kontang kepada tertuduh untuk mendapat eksh P5A. SP1 bawa balik eksh P5A ke rumah di Kampung Sungai Lempong, Daerah Kubu Gajah, Selama. SP1 sembunyikan eksh P5A di celah kayu alang reban ayam (lihat gambar eksh P4D dan E) berdekatan dengan rumah orang tuanya. SP1 mengatakan bahawa beliau tidak pernah menggunakan eksh P5A kerana bimbang diketahui dan dimarahi orang tuanya. Ekshibit P5A berada di celah alang reban ayam sehinggalah diambil untuk diserahkan kepada pihak polis. Semasa menyerah diri SP1 telah menyerahkan eksh P5A kepada SP4;

(k) SP4 telah mengeluarkan satu borang bongkar (eksh P16). Di samping itu, SP4 turut membuat satu laporan polis (eksh P74) mengenai tangkapan SP1 dan rampasan eksh P5A. Menurut SP4 semasa menemubual SP1 sebaik tangkapan dibuat SP1 telah memberitahunya bahawa eksh P5A diserahkan oleh tertuduh kepadanya (SP1) sebagai cagaran hutang. Seterusnya, SP4 telah menyerahkan SP1 dan barang kes kepada pegawai penyiasat Insp. Muhammad Khairuddin bin Bohari (SP7). Satu borang serah meyerah (eksh P75) telah ditandatangani oleh kedua-dua SP1 dan SP7;

(l) pada 29 Mac 2017, Sjn Khozali bin Husin ('SP6') telah menangkap tertuduh di perkarangan IPD Kerian. SP1 telah bawa tertuduh ke IPD Selama untuk tindakan lanjut. SP6 telah membuat satu laporan polis (eksh P20);

(m) pada 6 April 2017, SP7 telah menyerahkan eksh P5A kepada Insp Zaffrul Asraff bin Mohd Fuzi ('SP5'), pegawai siasatan tempat kejadian, Cawangan D10, Ibu Pejabat Polis Kontinjen ('IPK') Perak bagi tujuan dijalankan pemeriksaan *etching* untuk mengesan nombor siri. Pemeriksaan *etching* telah dibuat bertempat di perkarangan IPD Selama. Proses *etching* gagal mengesan nombor siri pada eksh P5A kerana nombor siri telah dicanai terlalu dalam. Insp Zaffrul telah menyediakan satu laporan pemeriksaan ('eks P19');

(n) pada 13 April 2017 jam 11.30 pagi, SP7 telah menghantar eksh P5A ke IPK Perak. Di Unit Persenjataan IPK Perak, barang kes diterima oleh Insp Saadun bin Abu Bakar ('SP2'). Pada masa yang material, SP2 merupakan lnspektor Operasi Persenjataan. SP2 telah bertugas selama 31 tahun di Cawangan Persenjataan. SP2 berpengalaman di dalam menjalankan ujian *serviceability* pelbagai senjata api dan telah menjalani pelbagai kursus yang berkaitan dengan tugasnya;

(o) pada 19 April 2017 jam 12.25 tengah hari, SP2 telah menjalankan ujian *serviceability* ke atas eksh P5A dengan menggunakan dua butir kartus 12 *bore* (eksh P8(A)(1) dan eksh P8(A)(2)) masing-masingnya milik Polis Diraja Malaysia yang diperolehi daripada Kem Komandan IPK Perak. Ujian *serviceability* dijalankan di Lapang Sasar IPK Perak. Ekshibit P5A berupaya melepaskan tembakan. SP2 melaporkan bahawa eksh P5A adalah *serviceable.* Laporan ujian *serviceability* yang dijalankan oleh SP2 ialah eksh P9 yang dikeluarkan sebelum eksh P5A diserahkan kepada SP7 bagi pertimbangan penyediaan tuduhan. Ekshibit P9A ialah laporan yang sama yang mempunyai tandatangani SP7 sebagai 'Penerima' barang kes yang dikembalikan;

(p) SP2 menyerahkan eksh P5A kepada SP7 pada 6 November 2017 jam 12.30 bertempat di Cawangan Persenjataan IPK Perak; dan

(q) SP7 mengesahkan bahawa eksh P5A yang dikemukakan ke mahkamah ini adalah barang kes-barang kes yang beliau terima daripada SP4.

HUJAHAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA ('TPR')

[5] TPR terpelajar menghujahkan bahawa:

(a) fakta tertuduh telah menjual eksh P5A kepada SP1 telah dibuktikan melalui keterangan langsung SP1 (kes *Ignatius ak James v Public Prosecutor* [2016] MLJU 229; [2016] 1 LNS 59 dirujuk) dan cadangan peguambela bahawa senjata api itu diserahkan kepada SP1 sebagai cagaran berdasarkan keterangan SP4 adalah tidak berasas kerana hanya SP1 boleh mengesahkan sama ada dia membeli atau menerima eksh P5A sebagai cagaran;

(b) eksh P5A berjaya melepaskan tembakan semasa ujian *serviceability*

dijalankan sebagaimana keterangan SP2 menjadikan eksh P5A terjatuh di bawah ruang lingkup takrifan 'senjata api'; dan

(c) melalui keterangan SP1, SP2, SP4, SP5 dan SP7 pihak pendakwaan telah membuktikan rantaian keterangan bersabit jagaan dan kawalan eksh P5A bermula daripada masa dirampas sehinggalah dikemukakan ke Mahkamah tidak pernah terputus.

HUJAHAN PEGUAMBELA

[6] Peguambela terpelajar pula berhujah seperti berikut. Pertamanya, pertuduhan yang dirangka terhadap tertuduh adalah cacat dan memprejudiskan tertuduh dalam penyediaan pembelaannya. Kesalahan 'berdagang senjata api' di bawah s 7 FIPA telah diberi takrifan di bawah s 2 akta yang sama. Takrifan 'berdagang senjata api' di bawah s 2 FIPA menyentuh empat kesalahan berbeza sebagaimana yang dinyatakan di bawah sub-ss 9(1), (2), 11(1) dan 15(1) Akta Senjata 1960 ('AS 1960'). Pertuduhan ke atas tertuduh tidak menyatakan dengan khusus, sama ada tertuduh melakukan kesalahan di bawah sub-s 9(1), atau sub-s 9(2), atau sub-s 11(1), atau sub-s 15(1) AS 1960. Pertuduhan yang sepatutnya adalah sebagaimana tuduhan asal (eksh P1) dan pertuduhan pindaan pertama dihujahkan tidak mendedahkan sebarang kesalahan. Tanpa dinyatakan sebarang diskripsi kesalahan adalah mustahil untuk tertuduh mengetahui kesalahan yang dikatakan telah dilakukan olehnya. Kegagalan menyatakan secara khusus perbuatan 'berdagang senjata api' di dalam pertuduhan telah melanggar peruntukan ss 152, 154, dan 155 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Kecacatan pada pertuduhan adalah *fatal* kepada kes pendakwaan (*Jagar Singh v Public Prosecutor* [1936] 1 MLJ 92) dan tidak boleh dipulihkan oleh s 156 KTJ (*Shawal bin Hj Mohd Yassin v Public Prosecutor* [2006] 4 MLJ 334; *Ravindran a/l Ramasamy v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 509; dan *Public Prosecutor v Syed Bakri* [1955] MLJ xvii).

[7] Keduanya, dihujahkan seandainya pertuduhan yang dirangka adalah mematuhi kehendak undang-undang, bagi kesalahan sama ada di bawah sub-ss 9(1), (2) dan 15(1) AS 1960 masing-masingnya, pihak pendakwaan masih perlu membuktikan tertuduh bukannya pemegang lesen senjata api atau permit yang sah, sementara bagi kesalahan di bawah sub-s 11(1) AS 1960 pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa tertuduh telah menjual, memindahmilik atau mendedahkan untuk dijual atau dipindahmilik senjata api kepada seseorang yang tidak memegang lesen yang sah untuk memiliki senjata api (Perbicaraan Jenayah Mahkamah Tinggi Taiping *Pendakwa Raya lwn Ahmad Hanafi bin Md Desa* Perbicaraan Jenayah Mahkamah Tinggi Taiping No AB-45D-03–09 of 2017, dirujuk). Pihak pendakwaan di dalam kes semasa telah gagal mengemukakan sebarang keterangan mengenai lesen yang disebutkan itu. Mahkamah tidak boleh membuat andaian bahawa

tertuduh tidak mempunyai lesen yang diperlukan ataupun telah menjual senjata api kepada orang yang tidak dilesenkan. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan mengenai lesen yang berkenaan telah mengakibatkan kelompangan yang ketara di dalam kes pendakwaan (*Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433; *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16).

[8] Ketiganya, dihujahkan bahawa SP1 merupakan seorang saksi yang tidak boleh dipercayai (*not a credible witness*). SP1 di dalam keterangannya mendakwa dia membayar sebanyak RM2,500 sebagai harga eksh P5A. Di dalam keterangannya, SP1 menyatakan bahawa beliau pergi ke Balai Polis Selama untuk menyerah diri dengan ditemani oleh two orang rakannya yang dikenali sebagai 'Ri' an 'Din Komando'. SP1 mendakwa kedua-dua kawannya yang bercakap dengan SP4, manakala beliau memerhatikan dan berdiam diri sahaja. Keterangan SP1 itu bercanggah secara material dengan keterangan SP4.

[9] SP4 di dalam keterangannya menyatakan semasa temubual yang dijalankan, SP1 telah memberitahunya ('SP4') bahawa eksh P5A diserahkan kepada SP1 sebagai cagaran ke atas hutang yang diberikan oleh SP1 kepada tertuduh berjumlah RM2,500. Menurut SP4, ketika datang ke Balai Polis Selama SP1 hanya ditemani oleh Din Komando. SP4 menafikan beliau ada bercakap dengan Din Komando. Peguambela terpelajar berhujah bahawa salah satu versi, sama ada versi SP1 atau SP4 mengenai bagaimana SP1 mendapat eksh P5A adalah tidak benar. Oleh itu, keterangan SP1 adalah diragui dan wajar ditolak. Peguambela berhujah bahawa keterangan SP1 *at best*, sekadar menunjukkan SP1 menyimpan eksh P5A tanpa pemindahan hakmilik sehinggalah hutang dilangsaikan. Berdasarkan fakta itu, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesalahan di bawah s 9(1) FIPA. Percanggahan keterangan SP1 dan SP4 mengenai bagaimana eksh P5A boleh berada didalam simpanan SP1 menyebabkan pihak pendakwaan telah mengemukakan two set keterangan yang tidak boleh disandar untuk membuktikan kes prima facie. Ditambah pula terdapat percanggahan antara keterangan SP1 dan SP4 mengenai apa yang berlaku di Balai Polis Selama (*Public Prosecutor v Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322).

[10] Keempatnya, SP7 gagal menyiasat sama ada eksh P5A diserahkan kepada SP1 melalui transaksi jual beli ataupun sebagai suatu cagaran ke atas hutang yang diambil tertuduh daripada SP1. Jika eksh P5A diserahkan oleh tertuduh kepada SP1 sebagai cagaran, tidak pernah berlaku penjualan atau pindahmilik daripada tertuduh kepada SP1. Dihujahkan bahawa tertuduh mempunyai hak di bawah perlembagaan untuk pembelaannya disiasat yang mana hak itu tidak boleh dinafikan (*Lee Kwan Woh v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301; *Prasit Punyang v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 282).

[11] Kelimanya, keterangan SP1 bahawa beliau membeli eksh P5A daripada tertuduh tidak boleh diterima. SP1 adalah rakan sejenayah. Beliau tidak mempunyai lesen untuk memiliki senjata api dan telah memberi bantuan kepada perlakuan kesalahan yang dipertuduhkan. Dia telah ditahan reman selama sepuluh untuk siasatan dan merupakan seorang suspek. Jelas, SP1 terlibat di dalam perlakuan jenayah bersabit pertuduhan ke atas tertuduh. Keterangan seorang rakan sejenayah perlu dilihat dengan berhati-hati dan memerlukan keterangan sokongan bebas yang mana tiada di dalam kes ini (*Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37; *Pasupathy a/l Kanagasaby v Public Prosecutor* [2005] 1 MLJ 493; dan *TN Nathan v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 134).

[12] Akhir sekali dihujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan eksh P5A adalah milik RELA. SP3 dikatakan gagal membuat rekod mengenai pemeriksaan yang beliau lakukan di PLRWU sebelum 23 Februari 2017, iaitu pada bulan Februari, April dan Oktober 2016. Sebelum 23 Mac 2017, SP3 telah mengetahui bilangan senjata api yang disimpan di PLRWU tidak sepadan yang rekod pejabat RELA Selama. Dan, tiada bukti bilakah eksh P5A telah hilang daripada simpanan RELA. Memandangkan kesalahan dikatakan dilakukan pada tahun 2015, maka Yaakob yang mempunyai ekses kepada senjata api RELA merupakan saksi yang material yang boleh menjelaskan naratif kes pendakwaan. Kegagalan memanggil Yaakob sebagai saksi mewajarkan anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 dibangkitkan terhadap pihak pendakwaan. Begitu juga, aggapan bertentangan yang sama perlu dibangkitkan atas kegagalan memanggil Faizal memberi keterangan. Faizal terlibat di dalam semua pemeriksaan senjata api yang dijalankan oleh SP3. Di dalam keadaan SP3 tidak membuat apa-apa rekod mengenai pemeriksaan yang dijalankan sebelum 23 Februari 2017, keterangan Faizal adalah penting bagi membuktikan eksh P5A telah hilang sebelum pemeriksaan pada 23 Februari 2017 dijalankan. Malahan, SP3 semasa pemeriksaan balas telah setuju dengan cadangan peguambela bahawa tiada senapang patah yang hilang daripada stor RELA sebelum Oktober 2016.

BEBAN PEMBUKTIAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[13] Seksyen 180 KTJ menetapkan beban pembuktian adalah terletak di atas bahu pihak pendakwaan untuk membuktikan kes prima facie. Seksyen tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> (1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.
>
> (2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.

(3) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

(4) For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[14] Berkenaan paiwaian yang terpakai bagi membentuk kes prima facie, ianya telah dibincangkan di dalam beberapa kes mercu tanda (*landmark case*). Bagi tujuan penghakiman ini, cukup sekadar dipetik antara yang tersohor. Di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 Augustine Paul HMR (sebagaimana ketika itu) di dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menyatakan:

... A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal ...

[15] Di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, Gopal Sri Ram HMR (kemudiannya HMP) yang menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menggariskan prinsip berikut:

(12) After the amendments to ss 173(f) and 180 of the CPC, the statutory test has been altered. What is required of a Subordinate Court and the High Court under the amended sections is to call for the defence when it is satisfied that a prima facie case has been made out at the close of the prosecution case. This requires the court to undertake a maximum evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. It involves an assessment of the credibility of the witnesses called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence.

[16] Sekarang mahkamah ini berpandukan kepada peruntukan s 180 KTJ dan nas-nas tersohor di atas yang mengikat mahkamah ini, akan membuat penilaian maksima ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH

Intipati pertuduhan

[17] Pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh melibatkan kesalahan di bawah s 7(1) FIPA. Seksyen 7(1) FIPA memperuntukkan seperti berikut:

(1) Seseorang yang berdagang senjatapi hendaklah dihukum —

A (a) mati; atau

(b) dengan pemenjaraan seumur hidup dan juga disebat tidak kurang daripada enam kali.

B **[18]** Apa yang jelas s 7(1) di atas bukan peruntukan substantif yang memberi diskripsi kesalahan 'berdagang senjata api', tetapi ia sekadar menyatakan hukuman yang boleh dikenakan atas dapatan salah dan sabitan bagi kesalahan itu. Untuk memahami apakah kesalahan 'berdagang senjata api' seksyen tersebut perlu dibaca bersama dengan s 2 FIPA. Seksyen 2 FIPA
C mendefinasikan 'berdagang senjata api' sebagai:

(a) menjual atau memindahmilikkan, atau menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindahmilik, sesuatu senjatapi bersalahan dengan subseksyen 9(1) Akta Senjata 1960 (Akta 206);

D (b) membaiki atau menerima untuk dibaiki sesuatu senjatapi bersalahan dengan subseksyen 9(2) Akta itu;

(c) memindahmilikkan, menjual atau menawarkan untuk dijual sesuatu senjatapi kepada seseorang yang lain daripada seseorang yang dinyatakan dalam subseksyen 11(1) Akta itu; atau

E (d) mengimport sesuatu senjatapi bersalahan dengan subseksyen 15(1) Akta itu;

(e) (Dipotong oleh Akta A266)

F **[19]** Tafsiran 'berdagang senjata api' di bawah s 2 FIPA terbahagi kepada empat perbuatan, iaitu seseorang itu berurusan dengan senjata api secara melanggar peruntukan sama ada sub-s 9(1), atau sub-s 9(2), atau sub-s 11(1), atau sub-s 15(1) AS 1960. Memandangkan teori kes pendakwaan ialah tertuduh menjual eksh P5A, pihak pendakwaan bergantung kepada takrifan
G 'berdagang senjata api' melalui penjualan. Meskipun, sub-s 9(1) AS 1960 tidak terhad kepada menjual senjata api semata-mata, tetapi juga melibatkan perbuatan memindahmilikkan, atau menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindahmilik, pihak pendakwaan atas sebab tersendiri bergantung kepada elemen penjualan sahaja. Biarpun begitu pendirian pihak pendakwaan,
H sama ada elemen lain di bawah sub-s 9(1) AS 1960, iaitu memindahmilikkan, menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindahmilik terpakai akan dilihat oleh mahkamah ini kemudian.

[20] Subseksyen 9(1) AS 1960 memperuntukkan seperti berikut:

I (1) Subject to this Act and any regulations made thereunder, no person shall sell or transfer, or keep or expose for sale or transfer, any arms or ammunition unless he is the holder of a valid licence to deal in arms and ammunition granted to him under this section:

Provided that —

(a) the holder of an arms licence in respect of any arms or any firm, partnership, company or corporation owning such arms *may,* subject to section 3, sell or transfer otherwise than by way of trade or business any such arms;

(b) a person lawfully carrying on the business of an auctioneer may sell by auction or keep or expose for sale by auction without holding a dealer's licence any arms or ammunition in respect of which there is an arms licence in force if the auctioneer has obtained permission in writing from a Chief Police Officer to sell arms or ammunition by auction and he complies with all the conditions and observes all the restrictions subject to which the permission is stated in writing to be granted; and

(c) a licensed manufacturer may keep any arms or ammunition manufactured or to be used for manufacturing under his licence without holding a dealer's licence.

[21] Oleh itu, berdasarkan teori kes pendakwaan, intipati yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah:

(a) eksh P5A adalah suatu 'senjata api' (intipati pertama);

(b) tertuduh tanpa lesen telah berdagang eksh P5A kepada SP1 (melalui penjualan) (intipati kedua); dan

(c) eksh P5A adalah senjata api milik RELA (intipati ketiga).

Intipati pertama — sama ada eksh P5A adalah 'senjata api'

[22] Mengenai intipati pertama, SP2 telah mengesahkan bahawa eksh P5A boleh melepaskan tembakan semasa ujian *serviceability* dijalankan. Seksyen 2 FIPA mentaktifkan 'senjata api' sebagai 'apa-apa senjata maut berlaras yang daripadanya sesuatu letusan, peluru atau bedilan lain boleh dilepaskan dengan alat cas letupan dan termasuklah sesuatu bom atau grenad yang mengandungi cas letupan'. Di dalam kes *Public Prosecutor v Umar Cipto Sumarto* [2006] 2 MLJ 763; [2005] 8 CLJ 547 Linton Albert H (sebagaimana masa itu) menyatakan seperti berikut mengenai definisi 'senjata api' di bawah FIPA:

> The word 'lethal' is not defined by the Act and it would be useful to refer to *R v Thorpe* [1987] 1 WLR 383 where the English Court of Appeal had to construe the meaning of the word 'lethal' under s 57(1) of the Firearms Act 1968 which is similar to s 2(1) of the Act. Kenneth Jones, J delivering the judgment of the Court of Appeal had this to say at pp 111–112:
>
> > The subsequent authority is *Moore v Gooderham* [1960] 3 All ER 575; [1960] 1 WLR 1308. Again this was a decision of the Divisional Court, presided over the Lord Parker CJ, and a court which included Ashworth J. The court there was dealing with the sort of air gun which is commonly found in the possession of young people. It was called a 'Diana' air gun. The justices had described it as a gun of the type which was the least powerful which could be obtained. In the

course of a short judgment Lord Parker CJ said ((1960) 3 All ER 575 at pp 576–577, [1960] 1 WLR 1308 at pp 1310–1311):

> ... I think that (the justices) were fully entitled to give to the word 'lethal' the sense that the injury must be of a kind which may cause death. That is the ordinary meaning of the word, but it is to be observed that in this connexion one is not considering whether a firearm is designed or intended to cause injury from which death results, but rather whether it is a weapon which, however misused, may cause injury from which death may result ...

It is quite clear from the reading of that judgment that Lord Parker CJ was laying down there the meaning to be attributed to the word lethal, or the effect of it, and was saying that a lethal weapon was one which when misused was capable of causing injury from which death might result.

[23] Peguambela langsung tidak berhujah mengenai intipati pertama. Mahkamah ini yakin dengan tidak berhujah mengenai intipati ini, pihak pembelaan secara tersirat mengakui eksh P5A adalah suatu 'senjata api'.

[24] Mahkamah ini di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Ahmad Hanafi bin Md Desa* telah memutuskan seperti berikut:

> (17) Mahkamah ini berpuashati di dalam keadaan eksh P4B boleh melepaskan tembakan, ia berupaya mendatangkan kecederaan yang boleh membawa maut, jika disalahgunakan. Dengan berkeupayaan melepaskan tembakan, tiada siapa boleh mempertikaikan fakta bahawa eksh P4B adalah suatu senjata api di bawah ruang lingkup Akta itu.

[25] Mahkamah ini dengan ini memutuskan bahawa intipati pertama berjaya dibuktikan.

lntipati kedua — sama ada tertuduh telah melakukan perbuatan 'berdagang senjata api'

[26] Di dalam kes semasa, tertuduh dikatakan berdagang eksh P5A pada masa dan tarikh serta tempat seperti di dalam pertuduhan pindaan.

[27] Saksi penting bagi kes pendakwaan adalah SP1. Beliau merupakan saksi bintang yang memberi nyawa kes pendakwaan. Jatuh bangun kes pendakwaan bergantung kepada keterangan saksi ini. Pihak pembelaan memujuk mahkamah ini untuk menolak keterangan SP1 yang menyatakan beliau telah membeli eksh P5A daripada tertuduh atas alasan SP1 merupakan saksi yang tidak boleh dipercayai ditambah pula beliau merupakan seorang rakan sejenayah. Sebagai rakan sejenayah, keterangan SP1 memerlukan keterangan sokongan bebas yang mana tiada di dalam kes semasa di hadapan mahkamah ini.

[28] Setelah menghadam keterangan SP1 serta keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain, termasuk juga keterangan dokumentar yang dikemukakan sebagai ekshibit mahkamah ini sukar menerima keterangan SP1 bahawa dia membayar RM2,500 secara tunai kepada tertuduh untuk mendapat eksh P5A. Mahkamah ini mendapati SP1 bukanlah seorang saksi yang *credible*. Di perenggan selepas ini akan dinyatakan alasan-alasan kenapa mahkamah ini memutuskan bahawa SP1 merupakan seorang saksi yang tidak *credible*.

[29] SP1 telah ditimpa kemalangan jalan raya pada bulan Januari 2018 ('kemalangan itu'). Akibat kemalangan itu, SP1 telah dimasukkan ke Unit Rawat Rapi (*ICU*) selama dua hari. Kesan sampingan kemalangan itu masih ditanggung oleh SP1 semasa dipanggil memberi keterangan. SP1 sekarang tidak boleh lagi membaca. Keadaan tersebut pada hemat mahkamah ini menunjukkan bahawa kemalangan itu telah memberi kesan kepada ingatan SP1. Kerana itu, SP1 memberitahu mahkamah semasa pergi ke Balai Polis Selama beliau ditemani oleh dua orang rakannya, iaitu RI dan Din Komando.

[30] SP4 di dalam keterangannya pula menyatakan SP1 ditemani oleh Din Komando sahaja. SP1 mengatakan dia tidak bercakap dengan SP4. Menurut SP1, SP4 telah berbincang dengan dua rakannya itu. Dakwaan itu dinafikan oleh SP4. SP4 menyatakan dia tidak langsung bercakap dengan Din Komando dan dengan RI jauh sekali memandang RI tidak bersama SP1 ketika SP1 ditangkap. Semasa pemeriksaan balas SP4 bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa SP1 telah berbohong tentang perbualan antara SP4 dengan Ri dan Din Komando.

[31] Mahkamah ini lebih cenderong untuk mempercayai versi yang diberikan oleh SP4 tentang apa yang berlaku di Balai Polis Selama. Tiada alasan untuk SP4 mereka-reka cerita. Mahkamah ini mendapati akibat kemalangan itu SP1 sudah tidak dapat mengingati apa yang berlaku semasa beliau menyerah diri. Manakala keterangan SP4 disokong oleh eksh P14 yang antara lain dibaca seperti berikut:

> ... HASIL TEMULBUAL AWAL PENAMA DI ATAS BERITAHU SENJATA API TERSEBUT DISERAHKAN OLEH (1) LELAKI MELAYU DIKENALI DENGAN NAMA IDRIS DIRUMAHNYA DI CHANGKAT LOBAK KERIAN PERAK UNTUK DISIMPAN SEBAGAI CAGARAN KE ATAS HUTANG SEBANYAK RM2500 YANG DIPINJAM OLEH IDRIS DARIPADA PENAMA ...

[32] Apapun, dengan adanya dua versi yang bercanggah secara material antara satu sama lain yang mana kedua-duanya berasal daripada apa yang kononnya diberitahu oleh SP1, versi yang menyebelahi tertuduh perlu diambil oleh mahkamah ini, yakni eksh P5A diserahkan kepada SP1 untuk sementara

waktu sebagai cagaran hutang (*Lee Kwan Woh v Public Prosecutor*). Tertuduh berhak mendapat manfaat daripada keraguan yang timbul akibat wujudnya dua versi yang bercanggah.

[33] Mahkamah ini juga mendapati bahawa SP1 seorang rakan sejenayah di mana keterangannya memerlukan sokongan. SP1 mengakui terlibat dengan kesalahan jenayah yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh. Menurut keterangan SP1, beliau yang bertanyakan tentang senapang patah kepada tertuduh. Selepas ditangkap, SP1 telah ditahan reman sebagai suspek. SP1 juga telah menyimpan eksh P5A tanpa mempunyai lesen yang sah. SP1 adalah *participis criminis* (*Public Prosecutor v Zainal bin Ismail & Ors* [2011] 2 MLJ 272; [2009] 3 CLJ 554) yang telah terlibat secara aktif dengan kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh (*taken some more infamous part in the transaction*) — lihat kes *Daimon bin Banda v Public Prosecutor* [1953] 1 MLJ 23). SP1 tidak pernah dituduh dengan apa-apa kesalahan berkait eksh P5A, walaupun dia telah menyimpan senjata api tanpa permit atau lesen yang sah. Bagi membeli kebebasannya, SP1 memberi kenyataan kepada pihak polis. Akhirnya, SP1 dijadikan saksi pendakwaan.

[34] Di dalam kes *Public Prosecutor v Haji Ismail & Another* [1940] 1 MLJ 76; [1939] 1 LNS 68 (yang dirujuk di dalam kes *Public Prosecutor v Rahiman bin Selamat* [2014] 1 MLJevi 132; [2011] MLJU 1274) Cussen J memutuskan bahawa:

> There is no question of the mechanical application of any general rule of presumption. When it is a question of this particular presumption, the credibility of the witness who is in the position of an accomplice must be individually judged as any other witness, the same considerations being applied, with the added one that he is an accomplice. The court must consider who and what he is, his demeanour, bearing, the manner and quality and substance of his evidence in itself and in relation to all the circumstances of the case. The nature, quality and degree of his complicity must be examined. Then finally the court must form its opinion whether he is to be given credit and his evidence accepted without corroboration or not.

[35] Di dalam kes semasa tiada secebis keterangan yang boleh menyokong keterangan SP1. Apatah lagi mahkamah telah memutuskan bahawa keterangan SP1 bahawa dia membeli eksh P5A daripada tertuduh adalah tidak *credible*. Oleh itu, mahkamah ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan intipati kedua, iaitu tertuduh 'berdagang senjata api' sama ada melalui penjualan atau memindahmilikkan, atau mendedah atau menyimpan untuk dijual atau dipindahmilik.

Intipati ketiga — sama ada ekshs P7A dan P8A milik RELA

[36] Ekshibit P5A yang menjadi pertuduhan tidak mempunyai nombor siri. Apabila eksh P5A dirujuk kepada SP3, beliau tidak dapat mengesahkan eksh

P5A adalah jenis H&R yang sama digunakan oleh RELA kerana tulisan modelnya telah terpadam. Bila dicadangkan oleh peguambela semasa pemeriksaan balas bahawa SP3 tidak boleh pastikan yang eksh P5A berasal daripada stor simpanan senjata api RELA di PLRWU, SP3 bersetuju dengan cadangan itu. Oleh kerana itu adalah menjadi dapatan mahkamah ini, bahawa eksh P5A adalah disangsikan milik RELA di dalam ketiadaan nombor siri untuk dibuat rujukan silang dengan rekod simpanan pihak RELA. Nampaknya, intipati ini gagal dibuktikan. Apapun, mahkamah ini setelah menelaah peruntukan relevan di dalam FIPA bersama-sama AS 1960 mendapati isu ketuanpunyaan senapang patah H&R itu bukan merupakan intipati kesalahan di bawah s 7(1) FIPA yang dibaca bersama dengan definisi 'berdagang senjata api' di bawah s 2 Akta yang sama dan juga sub-s 9(1) AS 1960 yang dipetik sebelum daripada ini. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah tertuduh tidak mempunyai lesen yang diperlukan untuk berurusan dengan senjata api dan amunisi sama ada untuk menjual atau memindahmilikkan, mendedah atau menyimpan untuk dijual atau dipindahmilik. Sama ada eksh P5A adalah milik RELA atau pihak lain, termasuk tertuduh sendiri, pada hemat mahkamah ini bukanlah intipati kesalahan di bawah s 7(1) FIPA; penambahan perkataan 'milik RELA' di dalam pertuduhan, pada hemat mahkamah ini merupakan suatu tambahan yang tidak perlu dan bukan kehendak undang-undang. lntipati ketiga ini sebenarnya bukan intipati kepada pertuduhan.

A B C D E

LSU LAIN YANG FATAL KEPADA KES PENDAKWAAN

F

[37] Mengenai fakta bahawa tertuduh tidak mempunyai lesen untuk berurusan dengan senjata api, mahkamah ini mendapati tiada secebis keterangan dikemukakan yang menunjukkan bahawa tertuduh tidak mempunyai lesen di bawah AS 1960 untuk berurusan dengan eksh P5A. Di dalam kes *Ignatius ak James v Public Prosecutor* [2016] MLJU 229; [2016] 1 LNS 59 Abdul Aziz Abdul Rahim HMR semasa memberi keputusan Mahkamah Rayuan mengenai isu yang sama memutuskan seperti berikut:

G

> [53] With regard to allegation that a wrong burden being put on the appellant, we do not find any merit in the contention. Whether the appellant is an exempted person or not is within the personal knowledge of the appellant himself. The situation here is akin to a person travelling on a train or a bus without ticket. The burden is on such person to prove that he has a valid ticket to travel. The burden is not on the bus or train operator to show that the person has a valid ticket. *The burden on the operator is to show that the person has no ticket.* Simillary in this case, it is not for the prosecution to show that the appellant is a person that is exempeted under s 6(2) and s 9(1) of the Arms Act 1960. Section 3 of the Arms Act 1960 (Act 206) says no person shall have in his possession, custody, or control any fireamrs or ammunition unless he is the holder of an arms license in that behalf granted to him under s 4. Section 6(2) of the same Act describes the categories of person who is

H I

exempted from the prohibitation under s 3, and the appellant is not one of them (Penekanan ditambah.)

[38] Di dalam kes ini, setidak-tidaknya pihak pendakwaan perlu mengemukakan keterangan bahawa tertuduh telah diminta mengemukakan lesen untuk menjual atau memindahmilikkan atau menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindah milik senjata api, namun gagal berbuat demikian. Apabila tertuduh diminta berbuat demikian oleh pihak polis, maka adalah menjadi tugas tertuduh untuk menunjukkan sama ada dia mempunyai lesen yang diperlukan sebagaimana peruntukan AS 1960 ataupun dia merupakan seorang yang dikecualikan di bawah ss 6(2) dan 9(1) di bawah akta itu. Apa yang ditunjukkan semasa kes pendakwaan melalui keterangan SP1 ialah tertuduh menjual satu laras senapang patah dan keterangan saksi-saksi polis dan SP3 pula berkait tangkapan SP1 dan tertuduh, rampasan dan pemeriksaan yang dijalankan ke atas eksh P5A serta kehilangan senapang patah milik RELA. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan mengenai aspek ini telah meninggalkan lompang dalam kes pendakwaan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[39] Adalah menjadi prinsip yang mantap bahawa kes prima facie tidak boleh dikatakan sebagai telah dibuktikan sekiranya terdapat dua keadaan berikut, iaitu apabila terdapat lompang (*gap*) dalam kes pihak pendakwaan ataupun juga terdapat keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu satu inferens selain daripada inferens yang menjurus kepada kebersalahan tertuduh (lihat kes *Arulpragasan a/l Sandaraju v Public Prosecutor* [1997] 1 MLJ 1; [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 AMR 329; *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89; *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16; [1985] CLJ Rep 19; [1985] 2 CLJ 2 dan *Public Prosecutor v Kasmin bin Soeb* [1974] 1 MLJ 230; [1974] 1 LNS 116). Di dalam kes semasa di hadapan mahkamah ini sekarang pihak pendakwaan gagal membuktikan intipati kedua serta berlaku kesenjangan di dalam keterangan bersabit sama ada tertuduh mempunyai lesen atau tidak untuk berurusan dengan senjata api. Di dalam keadaan tersebut atas penilaian maksima mahkamah ini mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh. Serentak dengan dapatan itu, tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil membela diri.

[40] Terkilan dengan keputusan mahkamah ini, pendakwa raya merayu terhadap perintah pelepasan dan pembebasan tertuduh ke Mahkamah Rayuan Malaysia.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh